

Negara Malaysia

PM serah jawatan Ketua UMNO Perak

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan melepaskan jawatan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Perak, tidak lama lagi.

Menurutnya, beliau bercadang berbuat demikian dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO akan datang, yang dijadualkan berlangsung pada minggu pertama bulan depan.

MT UMNO bersidang dalam minggu pertama setiap bulan.

Tempatnya, tambah beliau, akan digantikan oleh Menteri Besar merangkap Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed.

Pengumuman Perdana Menteri ini memberi tafsiran bahawa keseluruhan keadaan politik di Perak kini "kembali stabil".

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu, mesyuarat MT hari ini juga merakamkan penghargaan kepada Datuk Haji Jaafar Hassan, yang meletakkan jawatan Menteri Besar, baru-baru ini.

Beliau digantikan oleh Ahli Exco Kanan, Haji Ali Ahmad.